

**MAJLIS PERHIMPUNAN MOTIVASI BIL 1/2019
12 FEBRUARI 2019
DEWAN PERSIDANGAN MTIB**

-MALAY VERSION ONLY-

UCAPAN OLEH YBRS. PUAN HAJJAH NORCAHAHAYA HASHIM,
TIMBALAN KETUA PENGARAH – (PENGURUSAN & OPERASI),
SELAKU KETUA PENGARAH MTIB

Terima Kasih Saudari Pengerusi Majlis

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berusaha Encik Mohd Kheiruddin Mohd Rani, Pengarah
Pembangunan Perdagangan, selaku Timbalan Ketua Pengarah,
Pembangunan & Komersial.

Semua Pengarah dan Timbalan Pengarah Bahagian

Semua Ketua Wilayah

Tuan/Puan yang dihormati dan warga kerja di wilayah yang mengikuti
perhimpunan ini melalui sidang video.

Terlebih dahulu, saya ingin memanjat kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana atas limpah kurnia dan izinNya, kita dapat berkumpul dalam sesi Motivasi yang pertama untuk tahun 2019. Marilah kita bersama-sama bersyukur kerana tahun 2018 telah berjaya diharungi dengan penuh dedikasi dan jayanya. Di kesempatan ini saya masih belum terlambat untuk mengambil ruang dan peluang untuk mengucapkan selamat menyambut tahun baru 2019. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga kerja MTIB di atas komitmen, keazaman dan kerja berpasukan yang telah ditunjukkan dalam melaksana segala tugas yang telah diamanahkan sepanjang tahun 2018. Segala usaha dan pencapaian pada tahun 2018 merupakan suatu manifestasi komitmen dan iltizam seluruh warga MTIB.

1. Seperti yang semua sedia maklum, tarikh 31 Disember 2018, merupakan hari terakhir bagi perkhidmatan YBhg. Dato' Dr. Jalaluddin Harun sebagai Ketua Pengarah MTIB. Sepanjang tempoh hampir 10 tahun menerajui MTIB, berbagai usaha telah dilakukan untuk kemajuan MTIB and industri. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada beliau di atas komitmen yang telah diberikan.
2. Sementara menunggu Ketua Pengarah yang baharu, Kementerian Industri Utama telah melantik saya, untuk menanggung tugas Ketua Pengarah. Saya akan menjalankan tugas-tugas sebagai Ketua Pengarah, di samping melaksanakan tugas saya sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Operasi).

3. Sementara itu, Encik Mohd Kheiruddin Mohd Rani, Pengarah Pembangunan Perdagangan, sebagai Pengarah paling senior, telah dipertanggungjawabkan untuk menanggung tugas Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Komersial).

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

4. Kedatangan tahun 2019 sudah tentunya akan memberi cabaran baharu kepada seluruh warga MTIB. Saya melihat tahun 2019 sebagai tahun permulaan untuk MTIB mencorakkan semula kegemilangan MTIB sebagai agensi peneraju industri kayu-kayan Negara. Saya menyeru seluruh warga MTIB untuk terus mengamalkan budaya kerja yang berprestasi tinggi dalam melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dan mengamal serta membudayakan amalan kerja yang cemerlang dan berintegriti tinggi agar agenda utama MTIB pada tahun 2019, dapat dilaksanakan dengan jayanya.
5. Satu sesi *brainstorming* di peringkat Pengurusan MTIB telah diadakan pada 29-31 Januari 2019 di Bangi Selangor. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada pihak penganjur yang diketuai oleh Pejabat Ketua Pengarah, dengan kerjasama Bahagian Perancangan Strategik, serta Bahagian Khidmat Pengurusan yang mengendalikan urusan logistik. Kelainan konsep penganjuran pada tahun 2019 ini menggambarkan kreativiti MTIB di dalam usaha

transformasi kepada sesuatu yang lebih baik dan yang paling penting mencapai impak sebenar yang diharapkan.

6. Selain dari pembentangan Pencapaian Aktiviti pada tahun 2018 serta perbincangan mengenai Rancangan Aktiviti untuk tahun 2019, satu sesi perbincangan isu korporat MTIB telah turut dibincang. Perbincangan mengenai isu korporat ini teretus dari kesan yang dijangka bakal dihadapi oleh MTIB, dengan kuantum terimaan peruntukan 2019 yang terlalu kecil berbanding dengan tahun sebelumnya. Sukacita saya ingin memaklumkan bahawa MTIB kini sedang dalam usaha untuk meneliti semula peranan utama MTIB, di samping mengelakkan sebarang pertindihan fungsi yang telah sedia dijalankan oleh agensi lain. Aspek rasionalisasi ini amat penting di dalam memastikan kepenggunaan sumber manusia dan peruntukan kewangan berada pada tahap optima. Oleh itu, MTIB perlu rasional di dalam meneliti semula peranan dan program utama yang perlu dilaksanakan oleh MTIB, di samping menyusun semula dan memantapkan organisasi MTIB secara komprehensif agar selari dengan keperluan dan peranan utama MTIB.
7. Oleh itu, pelaksanaan projek MTIB tahun 2019 perlu dirancang dengan strategi yang lebih kreatif dan inovatif bagi mencapai misi dan visi jabatan. Ini sangat penting agar segala tindakan yang dilakukan akan lebih sistematik, teratur dan membentuk halatuju yang jelas dan seterusnya memberi faedah kepada industri kayu. Pelaksanaan program 2018 yang telah menunjukkan kejayaan, perlu diteruskan serta ditambah baik manakala kelemahan yang

dikenalpasti perlu diperbaiki dan kegagalan dijadikan tauladan sebagai panduan pada masa hadapan. Tahun 2019, merupakan satu titik permulaan di mana MTIB akan bergerak ke arah pembaharuan yang positif di dalam segala bidang dan yang paling penting untuk mencapai semua sasaran yang dijanjikan berdasarkan petunjuk prestasi yang telah dipersetujui.

8. Sukacita juga saya ingin maklumkan bahawa MTIB sedang dalam usaha untuk membangunkan rangka kerja NATIP 2.0 sebagai pelan strategik untuk industri kayu bagi tempoh 10 tahun akan datang.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

9. Saya ingin menyeru semua warga MTIB agar meningkatkan tahap integriti pada setiap ketika. Hakisan terhadap nilai integriti di kalangan penjawat awam akan mengakibatkan kepincangan pentadbiran dan salah laku dalam organisasi. Penjawat awam perlu lapor salah laku dan sebarang pelanggaran integriti dalam organisasi. Saya ingin menzahirkan komitmen saya untuk menangani semua isu salah laku seperti rasuah dan salah guna kuasa, di kalangan warga MTIB dan mahu MTIB dikenali sebagai agensi dengan penjawatnya yang berintegriti.
10. Aspek ini amat penting untuk seluruh warga MTIB, memiliki sikap yang berkualiti tinggi, kerana ia merupakan aset penting terhadap

kejayaan sesebuah organisasi dan negara. Sifat amanah, telus, bertanggungjawab dan berkhidmat demi kepentingan awam merupakan intipati kepada istilah integriti dan etika. Apa yang penting, niat serta Nawaitu bekerja kerana Allah – Pekerjaan adalah suatu ibadah. Rezeki yang berkat, hidup berpandukan Quran dan sunnah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

11. MTIB merupakan agensi regulatori, dan tumpuan MTIB pada masa kini adalah untuk memantapkan peranan ini memandangkan di Negara ini, hanya MTIB sahaja yang dipertanggungjawabkan untuk mengawalselia hal ehwal berhubung pengedaran, pemasaran dan perdagangan kayu-kayan. Akta 105 MTIB juga telah jelas menggariskan kuasa MTIB berhubung dengan penguatkuasaan. Saya ingin menasihatkan semua warga MTIB agar sentiasa berwaspada dalam setiap tindak tanduk apabila melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Khususnya dalam perkara yang melibatkan perolehan dan pematuhan prosidur. MTIB berhadapan dengan peranan yang semakin mencabar di dalam membangunkan industri, kerana industri semakin bijak dalam mengemukakan kehendak dan keperluan dalam perniagaan mereka. mereka Industri kayu tidak terlepas dari menerima kesan dari perubahan dasar seumpama ini.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan Motivasi pada pagi ini, saya ingin meminta agar semua warga MTIB sentiasa memahat dalam jiwa masing-masing nilai-nilai murni seperti ikhlas, amanah, rajin berusaha dan yang utama sekali adalah mempunyai sikap sentiasa berusaha untuk mencapai hasil kerja kita yang berkualiti tinggi. Sama-sama kita fikirkan apa sumbangan kita kepada MTIB, dan bukan apa yang MTIB dapat sumbangkan kepada kita.

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh

Puan Hajah Norchahaya Hashim

Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Operasi)

selaku Ketua Pengarah MTIB

12 Februari 2019